

MKM terima sumbangan BND3,678

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

SUNGAI HANCHING, Selasa, 29 Mei. - Sejumlah BND3,678 berjaya dikutip daripada penyertaan orang ramai semasa acara Basikal Amal 'Varsity Cycle 3.0' pada 4 Mac 2018 lalu sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Ke-44 Tahun Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Sehubungan itu, hasil kutipan tersebut telah diserahkan kepada Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) yang berlangsung di Pejabat MKM, di Kampung Sungai Hanching, di sini.

Sumbangan cek telah diserahkan

oleh Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zaimal; dan Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan diterima oleh Presiden MKM, Awang Haji Mohd. Yusof Shaik Abdul Halim.

Presiden MKM, Awang Haji Mohd. Yusof Shaik Abdul Halim semasa ditemui, melahirkan penghargaan kepada ketiga-tiga universiti berkenaan atas sumbangan tersebut, di mana

sumbangan tersebut akan digunakan bagi salah satu projek MKM pada bulan Ramadan ini, iaitu membeli juadah berbuka puasa bagi orang-orang yang kurang berkemampuan selama 10 hari.

Manakala jika berlebihan tambah beliau, ia juga akan digunakan bagi Projek Sejambak Kasih yang diungkuhkan oleh MKM, iaitu bagi pembelian hamper Hari Raya untuk orang-orang kurang berkemampuan di negara ini.


Beliau seterusnya mengagihkan beberapa projek lain di bulan Ramadan, iaitu pengagihan pakaian-pakaian terpakai di mana pihaknya telahpun menerima sejumlah sumbangan pakaian yang cukup menggalakkan dari orang ramai dan ianya akan diagihkan kepada keluarga yang kurang berkemampuan yang berdaftar dengan MKM di daerah ini

dan seterusnya ke daerah-daerah lain.

MKM juga tambahna, mengadakan iftar bersama orang-orang kurang berkemampuan, sementara pada tiap-tiap bulan pihak MKM juga memberi makanan asasi kepada kira-kira 20 keluarga bagi mengurangkan beban mereka.

Beliau seterusnya menambah, MKM turut memberikan makanan kepada lebih 400 pelajar kurang berkemampuan di 13 buah sekolah setiap hari waktu persekolahan melalui Projek Skim Makanan Persekolahan dan diperolehi daripada Skim Fidyah yang dilaksanakan oleh MKM di mana wang Fidyah 100 peratus diagihkan kepada mereka yang berhak menerimanya.

Selain membantu golongan kurang berkemampuan di negara ini, pihak MKM jelasnya juga ada membuat kerja-kerja amal di luar negara.



PRESIDEN Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), Awang Haji Mohd. Yusof Shaik Abdul Halim menerima cek dari Rektor Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), Naib-Canselor UBD dan Naib Canselor UTB di Majlis Penyerahan Sumbangan Varsity Cycle 3.0 bertempat di rumah MKM Kampung Sungai Hanching.

Tadarus Al-Quran dari rumah ke rumah

Berita dan Foto : Haji Ahmad bin Haji Salim

LAMBAK KANAN, Selasa, 29 Mei. - Mengambil sukut baik bulan Ramadan, dikenali dengan 'Bulan Al-Quran' yang penuh keberkatan dan kerahmatan, maka peluang berkenaan dimanfaatkan oleh Ahli-ahli Kumpulan WhatsApp Saudara Ku Kampung Setia dengan mengadakan Majlis Bertadarus dari rumah ke rumah dikalangan para ahli kumpulan tersebut.

Majlis berkebjajikan itu merupakan pertama kalinya diadakan pada tahun ini dan pembacaan Al-Quran dilakukan secara pembahagian juz kepada para ahli yang ikut serta.

Rombongan memulakan Tadarus di kediaman salah seorang ahlinya, iaitu Profesor Madya Dr. Haji Asbol bin Haji Mail di Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan diadakan pada 27 Mei, di sini.

Kira-kira 50 ahli dan ahli keluarga menghadiri majlis itu, di mana majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Tamam bin Haji Asmat dan diikuti dengan bacaan Tadarus Al-Quran.

Majlis Bertahlil dan Doa Arwah juga diadakan dan dikhususkan kepada ahli-ahli keluarga penduduk Kampung Rantau dan Kampung Setia yang telah kembali ke rahmatullah, di mana bacaan dipimpin oleh Awang Haji Zuhilmi bin Haji Lakat dan diteruskan dengan Majlis Bersingkat serta Sembahyang Fardu Marghib Berjemah.

Majlis itu bertujuan untuk meraih pahala dan menambah amal ibadat berkebjajikan pada bulan Ramadan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli serta keluarga.

Aktiviti seumpamanya juga akan dijadikan sebagai aktiviti tahunan, di samping aktiviti juga projek amal kebajikan lain yang dijalankan.



AHLI-AHLI Kumpulan WhatsApp Saudara Ku Kampung Setia mengadakan Majlis Bertadarus dari rumah ke rumah dalam kalangan ahli.

Ambil manfaat dari bacaan Al-Quran

Oleh : Dk Nasibahanim Pg Haji Bakar
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



TIMBALAN Setiausaha Bersama Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Kebangsaan, Ustazah Hajah Siti Mahyana binti Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya semasa ditemui oleh Pelita Brunei.

BERAKAS, Selasa, 29 Mei. - Nuzul Al-Quran disambut setiap 17 Ramadan oleh seluruh umat Islam di dunia ini. Negara Brunei Darussalam dalam menahkarkan hasrat negara menjadi sebagai Negara Zikir, maka Sambutan Nuzul Al-Quran pada tahun ini akan menyelitkan persembahan daripada para pemenang Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439H, di samping Ceramah Khas.

Raptai penuh bagi sambutan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini dan Pelita Brunei berkesempatan mengadakan temu bual bersama Timbalan Setiausaha Bersama Majlis, Dayang Hajah Siti Mahyana binti Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya, antara lain menyatakan harapan agar para jemputan dan orang ramai mengambil manfaat dari bacaan ayat suci Al-Quran yang akan disampaikan oleh para pemenang peringkat kebangsaan pada malam itu.

Di samping itu, para pendengar yang hadir mahupun yang menyaksikan siaran langsung majlis berkenaan nanti akan dapat menghayati Ceramah Khas yang akan disampaikan dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Nuzul Al-Quran berkenaan.

Dalam pada itu, Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan pula diharap dapat menjadi galakan kepada para belia tempatan walaupun mereka tidak secara langsung menjadi pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) untuk bergiat dalam

menghafaz Al-Quran secara *talafiqi* bersama orang-orang yang berkemampuan mengajar hafaz Al-Quran.

Bidang menghafaz Al-Quran dan pahalanya menurut Dayang Hajah Siti Mahyana adalah besar kerana rahmat yang diturunkan kepada para penghafaz Al-Quran sangat besar, oleh itu, para belia adalah diseru untuk berjinak-jinak dalam menghafaz Al-Quran dan tidak semestinya menghafaz surah yang panjang, tetapi boleh sahaja memulakannya dengan surah yang pendek dan apabila menjadi kebiasaan, maka kebiasaan tersebut nanti akan mendorong para belia menghafaz surah yang panjang.

Sama-samalah kita menghayati bacaan ayat suci Al-Quran serta Ceramah Khas yang bakal diperdengarkan dan menyemarakkan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah yang akan diadakan pada Jumaat malam Sabtu, 17 Ramadan 1439H bersamaan 1 Jun 2018 Masihi, bertempat di Dewan Plcnari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang boleh disaksikan secara langsung melalui saluran Radio Televisyen Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelita-brunei.gov.bn

'TINGKATKAN AMAL IBADAT SEPULUH TERAKHIR MALAM BULAN RAMADAN'

تدریعتن اوله جياتن فراغن، جياتن فردان منري دان دجيتي اوله جياتن فرجيتتن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.